

SYARAT-SYARAT PENGELUARAN LESEN ANJING



LESEN ANJING



1 Pemilik anjing boleh memohon lesen (patil) anjing di pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai di cawangan Kg Jawa Butterworth, Bandar Perda dan Sungai Jawi dengan bayaran sebanyak **RM 10.00** untuk setiap ekor anjing yang didaftarkan.

2 Untuk makluman, tiap-tiap ekor anjing berumur tiga (3) bulan dan ke atas wajib dilesenkan. Pemilik dikehendaki untuk membawa buku suntikan vaksin rabies serta kad pengenalan ketika ingin membuat permohonan lesen (patil) anjing.

3 Semua pemilik anjing bertanggungjawab untuk mendapatkan lesen (patil) bagi anjing peliharaan masing-masing sebelum atau pada **07 Januari pada setiap tahun**. Tiap-tiap lesen (patil) yang diperolehi pada setiap tahun hanya sah sehingga **31 Disember** untuk setiap tahun semasa permohonan lesen dibuat.

4 Tiap-tiap ekor anjing wajib dipakaikan lesen (patil) oleh pemilik anjing sewaktu berada di dalam atau luar kawasan rumah di dalam kawasan Seberang Perai. Bagi mana-mana lesen (patil) yang hilang, pemilik dikehendaki mendapatkan lesen baru.

5 Berikut merupakan bilangan pemeliharaan anjing di dalam sesuatu premis yang ditetapkan mengikut Undang-undang Kecil Kawalan Anjing MPSP 1982:

| | |
|------------------|-------------------------|
| i Rumah Teres | : Dua (2) Ekor Sahaja |
| ii Rumah Semi-D | : Tiga (3) Ekor Sahaja |
| iii Rumah Banglo | : Empat (4) Ekor Sahaja |
| iv Rumah Kampung | : Empat (4) Ekor Sahaja |
| v Ladang | : Enam (6) Ekor Sahaja |

6 Anjing tidak lagi dibenarkan dipelihara di rumah berstrata dan tidak dibenarkan untuk memohon lesen anjing. Bagi rumah yang mempunyai JMB, surat kelulusan pemeliharaan anjing daripada pihak JMB haruslah dikemukakan kepada pihak Majlis semasa permohonan lesen anjing dibuat.

7 Pemilik anjing diwajibkan untuk merawat mana-mana anjing peliharaan yang berpenyakit.

8 Pemilik anjing wajib memastikan premis yang didiami oleh anjing peliharaan diselenggara dengan bersih dengan pengudaraan yang cukup di samping mengambil langkah yang sewajarnya untuk pembuangan najis anjing yang terdapat di dalam premis dan juga di dalam kawasan halaman. Pemilik ditegah membawa anjing membuang najis di kawasan padang ataupun di dalam longkang.

9 Pemilik juga dikehendaki untuk memastikan anjing peliharaan masing-masing tidak menimbulkan kacauganggu bunyi bising akibat salakan anjing tersebut.

10 Pemilik anjing wajib memastikan anjing yang dipelihara disimpan di dalam kawasan premis setiap masa dan ditegah membiarkan anjing berkeliaran di luar kawasan premis tanpa sebarang pengawasan. Sekiranya didapati berkeliaran, pihak MPSP berhak untuk menangkap anjing tersebut.

11 Mana-mana pemilik anjing yang gagal mematuhi syarat-syarat pelesenan serta pemeliharaan anjing akan dikenakan tindakan penkuatkuasaan oleh pihak Majlis.

PENGAWALAN PEMBIAKAN ANJING BERLEBIHAN

1. Hantar anjing untuk dimandulkan
2. Hantar anjing yang tidak dikehendaki ke pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai Jalan Betek

JANGAN MEMBUANG ANJING
DI MERATA TEMPAT !!!

